

31 MAR 1997

Mahathir-Kagum

SIKAP TOLERAN RAKYAT M'SIA SUKAR DITANDINGI DUNIA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau kagum dan berbangga dengan sikap toleran rakyat negara ini yang hidup bersatu padu dan mudah dipimpin berbanding rakyat di negara lain.

Perdana Menteri berkata sungguhpun rakyat di negara lain turut mempunyai pemimpin yang berbakat dan berkeupayaan tetapi mereka berhadapan dengan masyarakat yang sukar dipimpin.

"Kita bernasib baik dan saya juga bernasib baik kerana berada dalam sebuah negara yang mudah dipimpin," katanya ketika berucap pada jamuan malam untuk meraikannya anjuran timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena penerimaan dua anugerah antarabangsa baru-baru ini.

Dr Mahathir menerima Anugerah Jawaharlal Nehru bagi Persefahaman Antarabangsa daripada kerajaan India dan Anugerah Antarabangsa Raja Faisal 1997 daripada kerajaan Arab Saudi.

Katanya Malaysia pernah mengalami peristiwa "Skim Cepat Kaya" beberapa tahun lalu tetapi tidak ada rusuhan atau usaha menggulingkan kerajaan seperti yang berlaku di sebuah negara di Eropah Timur sekarang.

Katanya kestabilan di negara ini dapat dilihat semasa pilihan raya kerana walaupun pembangkang melemparkan pelbagai tuduhan terhadap kerajaan, tidak sampai berlakunya rusuhan.

"Pihak yang kalah memberi peluang kepada pihak yang menang untuk meneruskan tugas memerintah negara.

"Perkara sedemikian tidak dinikmati oleh beberapa negara lain di mana tidak sampaipun tiga bulan selepas pilihan raya diadakan sudah ada rancangan untuk merebut kuasa dengan mencetuskan rusuhan atau mogok pekerja," katanya.

Dr Mahathir berkata kesatuan-kesatuan sekerja di negara ini seperti Cuepacs turut mengadakan perbincangan dengan cara baik dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah berbangkit dan sanggup menerima sesuatu keputusan tanpa perbalahan.

"Inilah cara di Malaysia yang sukar dilihat di negara-negara lain dan cara inilah yang membawa kejayaan kepada negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan kestabilan politik yang dikecapi negara ini sekarang, kerajaan dapat melaksanakan pelbagai rancangan dan dasar pembangunannya.

"Banyak negara lain ingin tahu macam mana kita berjaya dan walaupun mereka berusaha merancang dengan baik tetapi masih sukar untuk mencapai kejayaan," katanya.

Beliau berkata apabila Malaysia mencapai kejayaan, masyarakat dunia beranggapan ia disebabkan oleh pemimpinnya yang cekap dan berwibawa.

Bagaimanapun, katanya, dua unsur kepimpinan itu sahaja tidak cukup untuk membawa kejayaan sesebuah negara tanpa disertai sokongan rakyat.

"Sebab itulah bagi saya anugerah-anugerah ini adalah untuk seluruh rakyat Malaysia yang mempunyai sikap sederhana dan suka kepada keamanan dan memberi peluang mencuba sesuatu sehingga berjaya," katanya dengan nada terharu.

Dr Mahathir juga berkata anugerah-anugerah itu juga merupakan satu pengiktirafan kepada dasar luar Malaysia sejak merdeka yang berteraskan dasar berbaik-baik dengan semua pihak termasuk dengan negara yang berlainan ideologi seperti komunisme.

Dr Mahathir berkata ada kalanya Malaysia terpaksa menegur dan bercakap

kasar dengan sesetengah negara sebab negara-negara itu juga bercakap kasar serta menegur dan mengkritik negara ini.

"Oleh kerana mereka kata mereka percaya kepada kebebasan bersuara, maka kita menggunakan kebebasan itu untuk menegur mereka. Jadi janganlah mereka rasa marah dan tersinggung dengan teguran kita kerana kita juga ditegur," katanya.

Beliau berkata hasil dasar berbaik Malaysia, negara ini mempunyai banyak sahabat di peringkat antarabangsa dan ini banyak membantu negara seperti kejayaan mendapatkan kerusi Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tanpa tentangan.

Beliau mengingatkan bahawa jika pemimpin dan rakyat negara ini bersikap zalim dan tidak menghormati undang-undang atau bersikap berat sebelah negara ini tidak akan dihormati walaupun ia mempunyai kekayaan.

Anwar dalam ucapannya berkata walaupun Dr Mahathir telah menerima pelbagai anugerah tetapi dua anugerah ini sungguh istimewa.

"Belum pernah mana-mana pemimpin dan rakyat Malaysia menerima anugerah yang begitu tinggi. Ia seharusnya memberikan rangsangan yang menggoncang seluruh jiwa raga kita untuk membuat lonjakan ke hadapan dengan lebih hebat," katanya.

Anwar berkata Dr Mahathir berjaya menghancurkan jangkaan dan teori stereotaip dunia Barat bahawa Dunia Ketiga perlu mengikuti Barat untuk maju dan berjaya dalam pembangunan.

"Dr Mahathir memberikan dimensi baru kepada gayabina sesebuah negara demokrasi," kata Anwar.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menteri-menteri, timbalan menteri, menteri besar, anggota-anggota Parlimen, perwakilan asing di negara ini, pemimpin kesatuan sekerja dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut hadir pada majlis yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra itu. -- BERNAMA

RV AKD